

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

3 faktor punca anaconda mati  
14. Aug 2008  
Berita Harian  
Sentral  
217920  
2083000

Language  
Page No  
Article Size  
Frequency  
Color  
AdValue

MALAY  
42  
209 cm2  
Daily  
Full Color  
3697.85



# 3 faktor punca anaconda mati

## Jangkitan kuman, diet tidak sesuai sebabkan tak selera makan

Oleh Hussain Said  
dan Mohd Amin Jalil

**S**EREMBAN: Tiga faktor dikenal pasti punca utama menyebabkan kematian 30 daripada 58 ular, termasuk dari spesies anaconda di Taman Ular Sawa Negeri Sembilan, Hutan Lipur Ulu Bendol, Kuala Pilah, sejak beberapa bulan lalu.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Norzam Mohd Nor, berkata kajian pakar mendapati, kes berkenaan disebabkan jangkitan kuman, laluan air dalam sangkar dan diet tidak bersesuaian yang menyebabkan reptilia terbabit tidak berselesa.

"Jawatankuasa khas sudah dibentuk untuk memastikan masalah itu diselesaikan dengan baik," katanya, sambil mengakui ada kelemahan ketika taman itu dibuka awal Mac lalu, terutama dari segi kesesuaian spesies ular dan aspek penjagaan yang diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan

Perhutanan dan bekas pekerja Zoo Negara.

Jawatankuasa itu dianggotai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan); Jabatan Perhutanan; Majlis Perbandaran Port Dickson; Unit Perancang Ekonomi Negeri; Unit Penggalakan Pelancongan Negeri; Majlis Tindakan Pelancongan Negeri; Tourism Malaysia Negeri Sembilan dan pegawai daerah Kuala Pilah.

Beliau berkata, khidmat pakar dari Universiti Putra Ma-



**“**Jawatankuasa khas sudah dibentuk untuk memastikan masalah itu diselesaikan dengan baik. Sebenarnya, taman itu belum beroperasi sepenuhnya dan masih di peringkat percubaan kepada umum”

**Norzam Mohd Nor**  
Setiausaha Kerajaan Negeri  
Negeri Sembilan

laysia (UPM) juga dijalin untuk memperbaiki kelemahan dan memastikan kejadian sama tidak berulang, manakala kesihatan 28 ekor ular yang tinggal, termasuk lima spesies anaconda yang sedang dikuarantin oleh kakitangan UPM terjamin.

"Sebenarnya, taman itu belum beroperasi sepenuhnya tetapi masih di peringkat percubaan dan promosi kepada umum. Berikutan kematian 30 ular itu, mungkin kita tutup sementara taman berkenaan bagi membolehkan jawatankuasa khas mengkaji dan mengenal pasti tindakan perlu, termasuk mendapatkan spesies ular lain," katanya.

Sementara itu, Pengerusi DAP Negeri Sembilan, Loke Siew Foke, meminta kerajaan negeri telus menjawab pelbagai persoalan di sebalik kematian reptilia terbabit, termasuk sama ada kajian seperti terhadap iklim, persekitaran dan habitat dilakukan sebelum ular berkenaan dibawa masuk.

